



## MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

PROGRAM "FOREST BATHING" MPSP 2019

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**23 FEBRUARI 2019 (SABTU)**  
**7.30 PAGI**

**TAMAN REKREASI BUKIT INDAH**  
**TINGKAT INDAH 1, TAMAN BUKIT INDAH**  
**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee**  
Ahli Dewan Undang Negeri Kawasan Berapit

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**  
Setiausaha Perbandaran MPSP

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama pada hari ini bagi pelancaran Program “*Eco-Therapy*” melalui Program “*Forest Bathing*” Siri Pertama Tahun 2019 di Taman Rekreasi Bukit Indah, Bukit Mertajam.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada urusetia penganjuran program pada pagi ini yang telah bertungkus lumus memastikan program ini berjalan dengan lancar. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan, para penduduk setempat dan para hadirin sekalian yang terlibat dalam menjayakan program pada pagi ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and*

*Smart State*" (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan Penang 2030 adalah merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada kepada meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Selaras dengan Wawasan Penang 2030, MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric Organisation*" yang memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Bagi tahun 2019, MPSP telah menggariskan *Seberang Perai Corporate Priorities 2019* (SPCP) yang memberi fokus kepada pendekatan *people centric* dan memberi keutamaan kepada kanak-kanak, remaja, warga emas dan golongan B40 bagi membina masyarakat yang progresif, mencintai alam sekitar dan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Salah satu keutamaan strategik

yang berkonsepkan *people centric* adalah memperkembangkan gaya hidup yang sihat di kalangan penduduk Seberang Perai.

Selaras dengan pelaksanaan strategik “Gaya Hidup Sihat” dalam Pelan Strategik Seberang Perai Tahun 2018 – 2022, pelbagai manfaat kesihatan dan rekreasi dapat diperolehi melalui program Forest Bathing ini. Program ini bersifat ‘*people centric*’ dan melibatkan komuniti setempat, warga tua dan kanak-kanak.

*Forest Bathing* membawa maksud menghirup udara segar di hutan. Ianya telah diperkenalkan di Negara Jepun pada tahun 1980an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “*Shirin-Yoku*” dan telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun. Ianya merupakan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas yang melibatkan lawatan singkat dan santai ke kawasan hutan hijau sediada.

Program “*Forest Bathing*” merupakan aktiviti yang tidak memerlukan tenaga yang banyak dan tidak menggunakan wang ringgit tetapi dapat menyihatkan tubuh badan. Selain itu juga, aktiviti “*Forest Bathing*” ini boleh dilaksanakan bersama keluarga sekaligus dapat mengeratkan silaturahim sesama keluarga. Aktiviti ini dapat dilakukan dari pelbagai lapisan umur

seperti kanak-kanak, dewasa remaja dan warga emas. Program *Forest Bathing* mula dilaksanakan pada tahun 2018 di enam (6) lokasi iaitu di:-

- i. Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O, SPT pada 24 Mac 2018;
- ii. Taman Rekreasi Air Hitam Dalam, SPU pada 23 Jun 2018;
- iii. Taman Negeri Bukit Panchor, SPS pada 7 Julai 2018;
- iv. Hutan Lipur Cherok Tok Kun, SPT pada 29 September 2018;
- v. Hutan Simpan Bukit Juru, SPT pada 3 November 2018; dan
- vi. Pulau Aman, Seberang Perai Selatan pada 15 Disember 2018.

Secara keseluruhannya, Program *Forest Bathing* yang telah diadakan pada tahun 2018 didapati amat berjaya dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai di mana setiap program yang dianjurkan telah merekodkan kehadiran seramai lebih kurang 200 orang peserta. Pada tahun 2019, MPSP akan meneruskan penganjuran Program Forest Bathing di enam (6) lokasi yang telah dikenalpasti iaitu:

- i. Taman Rekreasi Bukit Indah, Bukit Mertajam, SPT pada hari ini 23 Februari 2019;

- ii. Suling Hill (Bukit Langkap), Bukit Mertajam, SPT pada 13 April 2019;
- iii. Hutan bakau, Sungai Acheh, SPS pada 22 Jun 2019;
- iv. Taman Rekreasi Sungai jarak, Padang Cempedak, SPU pada 17 Ogos 2019;
- v. Bukit Katak, Tasek Gelugor, SPU pada 19 Oktober 2019; dan
- vi. Taman Negeri Bukit Panchor, SPS pada 14 Disember 2019.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

Pada pagi, kita akan melaksanakan Program *Forest Bathing* Siri Pertama untuk tahun 2019 di Taman Rekreasi Bukit Indah yang terletak di atas Lot 3560 dan 3241 dengan keluasan 2.96 ekar. Kawasan ini adalah di bawah penyelenggaraan MPSP.

Antara aktiviti senaman utama yang dijalankan di sini oleh penduduk tempatan ialah berlari dan berjalan. MPSP juga ada menyediakan beberapa kemudahan bersukan seperti alat permainan kanak-kanak, alat senaman jenis *outdoor gym* dan *parcourse*, wakaf, laluan pejalan kaik dan kerusi taman. Saya amat berharap agar kemudahan-kemudahan yang disediakan

ini dapat dijaga sebaiknya oleh semua pihak terutama pengunjung

Seberang Perai untuk kegunaan jangka panjang.

Jenis-jenis pokok yang terdapat di sini pula terdiri daripada pokok spesis hutan. Antaranya adalah pokok getah (*Hevea brasiliensis*), pokok ara (*Ficus moaceae*) serta pelbagai jenis pokok yang lain lagi. Terdapat juga spesis fauna seperti lutong (*Trachypithecus obscurus*).

Program *Forest Bathing* yang dijalankan bukan hanya tertumpu kepada satu daerah sahaja malah meliputi ketiga-tiga daerah di Seberang Perai. Orang ramai bolehlah mengambil peluang untuk menyertai program sihat ini di samping menerokai lokasi-lokasi indah dan hijau yang terdapat di Seberang Perai.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

MPSP akan menambahbaik program *Forest Bathing* dari masa ke semasa. Dalam masa terdekat, MPSP bercadang untuk melaksanakan penyediaan maklumat flora dan fauna melalui pemasangan QR Code di lokasi-lokasi *Forest Bathing*. Ini akan memudahkan pencapaian maklumat oleh pengunjung dan penduduk setempat berhubung flora dan fauna yang

terdapat di lokasi-lokasi berkenaan, agar mereka dapat menilai dan menghayati kepentingan kewujudan flora dan fauna dalam kehidupan kita.

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Heng Lee Lee, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Berapit, Ahli-Ahli Majlis, pihak urusetia program, semua agensi yang terlibat, dan para penduduk setempat serta para hadirin sekalian yang sentiasa memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP. Terima kasih juga kepada semua yang bertungkus lumus menjayakan Program “*Forest Bathing*” pada pagi ini. Marilah kita sama-sama menikmati keindahan alam semulajadi, menghirup udara segar sambil bersenam di Taman Bukit Indah ini.

Sebagai mengakhiri kata-kata dan dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Program “*Forest Bathing*” atau **Terapi Rimba** Bagi Tahun 2019 di Taman Bukit Indah, Seberang Perai Tengah.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**